

D908

U B935 BAH

MAHATHIR - IKLAN

AIR KEROH, 31 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PARA PENGIKLAN DI NEGARA INI BOLEH MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN JIKA MEREKA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DALAM IKLAN-IKLAN.

BELIAU BERKATA PARA PENGIKLAN HENDAKLAH LEBIH BANYAK MENGGAMBARAKAN PERKARA-PERKARA YANG MENARIK MENGENAI NEGARA UNTUK MEMIKAT HATI PARA PELANCONG.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN UPACARA PECAH TANAH BAGI MELAKA COUNTRY CLUB DAN KONDOMINIUM LEMBAH AIR KEROH DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA PADA SESUATU KETIKA PARA PENGIKLAN HANYA MEMENTINGKAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIKLANKAN.

KATANYA, PARA PENGIKLAN ITU HANYA MENUMPUKAN PADA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK PARA PELANCONG YANG MENGUNJUNGI NEGARA, KHASNYA PENGINAPAN.

BELIAU BERKATA MEREKA SEPATUTNYA MENYELITKAN JUGA PELBAGAI GAMBARAN MENGENAI KEINDAHAN NEGARA DENGAN MENUNJUKKAN PELBAGAI TEMPAT YANG DAPAT MENARIK PELANCONG TERMASUK TEMPAT BERSEJARAH DARIPADA HANYA MENGUTAMAKAN PERKHIDMATAN YANG DIKLANKAN. -- LAGI
0015MST 31 08 85

MAHATHIR - IKLAN 2 AIR KEROH

KATANYA, KERAJAAN MEMPERUNTUKAN \$1,000 JUTA KEPADA BANK-BANK SUPAYA DAPAT MEMBERI PINJAMAN KEPADA PARA PENGUSAHA PELANCONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGIKLAN PERLU MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PINJAMAN YANG DISEDIAKAN UNTUK MENGIKLANKAN NEGARA INI SEBAGAI DESTINASI PELANCONG SERTA MENGIKLANKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK PELANCONG.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA SANGAT BERPOTENSI UNTUK MENJADI TUMPUAN UTAMA PARA PELANCONG KERANA MEMILIKI PERSEKITARAN YANG KEHIJAUAN, TIDAK SEPERTI SESETENGAH NEGARA LAIN YANG KERING LAYU.

+KEHIJAUAN ALAM SEMULA JADI NEGARA INI ADALAH SATU ASET YANG TINGGI NILAINYA DAN PERLU DIHARGAI,+ UJARNYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP DAPAT DIKEKALKAN POHON-POHON MENGHIJAU DI TAPAK-TAPAK PERUMAHAN DAN PERBANDARAN KERANA KEHIJAUAN MEMBERI GAMBARAN YANG INDAH.

MENGENAI NEGERI INI, BELIAU BERKATA, MELAKA MEMPUNYAI BANYAK PROJEK PEMBANGUNAN YANG DAPAT MENARIK PARA PELANCONG.

UPACARA PECAH TANAH MALAM INI ADALAH UNTUK PROJEK KONDOMINIUM BERNILAI \$90 JUTA YANG DIJANGKA SIAP DALAM MASA ENAM TAHUN DIMAJUKAN OLEH ROBCO SDN. BHD. -- BERNAMA

0020MST 31 08 85